

72

timur

30-01-2018

Ahmad Rabiul Zulkifli  
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

**M**enunggu panggilan bekerja hingga setahun selepas tamat pengajian membuatkan ilmu dipelajari ketika di universiti tidak dapat diperaktikkan dengan baik.

"Justeru, apabila ditawarkan kursus ini, saya terus menyertainya bagi mengingatkan semula kemahiran dan ilmu berkaitan perubatan," kata Zainal Zulkifli, 25, antara 101 graduan perubatan yang menyertai National Pre-Housemanship Workshop 2018 di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), semalam.

Zainal berkata, bengkel diadakan selama lima hari itu banyak membantunya dalam persediaan menjadi pegawai perubatan bulan depan.

"Tahun ini amat mencabar bagi kami kerana kakitangan kontrak baru diperkenalkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi impak sangat besar dan memerlukan kami bersedia dari segi fizikal dan mental sebelum menjawat jawatan itu.

“

Kami perlu mengambil inisiatif sendiri untuk mengingati semula ilmu kedoktoran yang dipelajari selain meningkatkan kemahiran sedia ada”

Zainal Zulkifli

"Malah, tempoh yang agak lama perlu ditunggu sebelum dipanggil berkhidmat sebagai pegawai perubatan menyebabkan kebanyakan graduan perubatan tidak mampu untuk menjalankan tugas dengan baik.

Oleh itu, kami perlu mengambil inisiatif sendiri untuk mengingati semula ilmu kedoktoran yang dipelajari selain meningkatkan kemahiran sedia ada," kata graduan perubatan dari UniSZA itu.

Graduan perubatan dari Universiti College Cork, Ireland, Siti Nor Hidayah Zainuddin, 24, berkata, dia gembira kerana berpeluang menghadiri bengkel itu kerana ia murah.

"Kursus sebegini sering diadakan di kawasan sekitar Lembah Klang tetapi biasanya terlalu singkat dan slot disediakan tidak memenuhi

kehendak kami pada masa sekarang.

"Kosnya yang mahal" sekitar RM1,300 hingga RM1,600 menyebabkan ramai

graduan seperti kami tidak mampu menyertai bengkel dianjurkan itu," katanya.

Menurutnya, program ber-

kenaan adalah inisiatif yang baik kepada graduan perubatan kerana tiga kali lebih murah berbanding kursus yang diadakan di luar.



SERAMAI 101 graduan perubatan yang menyertai National Pre-Housemanship Workshop 2018 di UniSZA.

## Gilap balik ilmu perubatan

■ 101 graduan sertai bengkel kedoktoran 5 hari

Sementara itu, Ketua Kluster Perubatan dan Sains Kesisihan, Majlis Profesor Negara Prof Tan Sri Dr Mohd Amin Jalaluddin berkata, semua graduan perubatan terbabit diharapkan bersedia menempuh alam pekerjaan dan bertanggungjawab menggalas amanah diberikan.

"Saya percaya program ini memberikan pengalaman baik kepada semua peserta dan dapat memberikan pendedahan kepada mereka sebelum menghadapi alam pekerjaan sebagai pegawai perubatan sebenar," katanya.